



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	1 APRIL 2016

Dr. Mahathir letak jawatan Pengerusi Proton

Um- 1/4/2016

KUALA LUMPUR 31 Mac - Proton Holdings Berhad (Proton) mengumumkan peletakan jawatan Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Pengerusinya, berkuat kuasa serta merta.


Menurut Proton, bekas Perdana Menteri itu turut meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Group Lotus plc, sebuah anak syarikat milik penuh Proton.

“Proton menghormati hasrat Tun Dr. Mahathir untuk berundur dan kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan, komitmen serta dedikasi beliau sepanjang menjadi pemimpin organisasi ini.

“Proton mengucapkan terima kasih dan mengiktiraf peranan Dr. Mahathir sebagai pencipta syarikat kereta nasional,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Dr. Mahathir telah memegang jawatan Penasihat Proton sejak tahun 2003 selepas bersara sebagai Perdana Menteri keempat dan beliau juga dilantik sebagai Pengerusi Proton berkuat kuasa 16 Mei 2014.

Proton merupakan hasil idea,



DR. MAHATHIR MOHAMAD

wawasan dan kepimpinan bekas Perdana Menteri itu serta menjadikannya syarikat kereta nasional sejak ditubuhkan pada 1983.

Selain Proton, beliau juga meletak jawatan sebagai Canselor Universiti Teknologi Petronas (UTP), Penasihat kepada Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Lembaga Pembangunan Pulau Tioman (TDA).